

Najib ikrar pastikan keamanan

Utusan Online

21 April, 2013

KLANG 20 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berikrar memastikan keamanan dan keharmonian negara terus terjamin sekiranya Barisan Nasional (BN) diberi mandat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Dalam ikrar yang dinyatakan di hadapan kira-kira 60,000 masyarakat Cina itu, Pengerusi BN tersebut turut mengajak kaum berkenaan memberi sokongan kepadanya untuk terus kekal sebagai Perdana Menteri.

Kita sudah hadapi cabaran semasa zaman konfrontasi dan baru-baru ini berdepan dengan kumpulan penganas yang mendarat di Lahad Datu, Sabah.

Inilah jenis kerajaan yang kita mahu iaitu yang dapat menjamin keamanan dan keharmonian negara," katanya dalam majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Pelabuhan Klang, di sini malam ini.

Yang turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek.

Dalam masa sama, Najib turut mengingatkan rakyat berhati-hati dengan tindakan ahli politik tertentu yang mengajak mereka menukar kerajaan sedia ada.

Katanya, rakyat perlu memikirkan bentuk perubahan yang dimaksudkan kerana negara ketika ini menikmati pertumbuhan ekonomi memberangsangkan, kadar inflasi rendah, mencipta banyak peluang pekerjaan selain pasaran saham yang kukuh sekali gus memberi jaminan kekayaan.

Apakah ini yang kita hendak ubah, pastinya tidak. Apa yang kita tunjukkan, kita dapat buat perubahan sebenar tanpa mengubah kerajaan.

BN juga hendakkan perubahan, kita sudah buat transformasi ekonomi, politik dan kerajaan," katanya.

Tambah beliau, kesemua idea perubahan itu direka bentuk secara bersistem untuk mencipta perubahan sebenar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130421/px_14/Najib-ikrar-pastikan-keamanan#ixzz2ZuDpjRFh

© Utusan Melayu (M) Bhd

